



**SURAT EDARAN PENTADBIRAN
BILANGAN 29 TAHUN 2014**

**MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM
BIL. 1/2014**

Pejabat Pendaftar
9 Oktober 2014

Disalinkan kepada:

Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)
Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)
Pegawai-Pegawai Kanan
YDP Majlis Perwakilan Pelajar

UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.02.05.03/100-3/2/3 Jld. 3 (66)

9 OKTOBER 2014

SURAT EDARAN PENTADBIRAN BIL. 29/2014

MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM BIL. 1/2014

Surat Edaran Pentadbiran ini bertujuan untuk memaklumkan kepada pengetahuan semua staf bahawa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) akan menganjurkan **MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM BIL. 1/2014** pada ketetapan berikut:

TARIKH : 16 OKTOBER 2014 (21 ZULHIJAH 1435H)
MASA : 8.30 PAGI – 11.00 PAGI
TEMPAT : DEWAN BESAR, KAMPUS INDUK, UTeM

2.0 Sehubungan dengan itu, pihak Universiti menjemput dan **MEWAJIBKAN** semua staf ke majlis tersebut manakala para pelajar akan diwakili oleh Majlis Perwakilan Pelajar. Semua Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah bertanggungjawab untuk memastikan kehadiran setiap staf di bawah seliaan mereka. Kehadiran staf akan diambil sewaktu pendaftaran dan setelah selesai majlis di Dewan Besar, UTeM. Pengambilan cuti pada 16 Oktober 2014 adalah dibekukan dan mata CPD akan diuruskan oleh pihak urus setia.

3.0 Dimaklumkan juga, bahawa mana-mana staf yang terlibat atau menganjurkan apa-apa program yang melibatkan dalam atau luar kampus pada tarikh berkenaan adalah ditangguhkan. Aktiviti pembelajaran dan pengajaran yang ditangguhkan perlulah digantikan kepada tarikh baru yang lain.

4.0 Atur cara adalah seperti di **Lampiran 1**.

Sekian, terima kasih.

“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”

Saya yang menurut perintah,



DATUK HASAN BIN SIRUN

Pendaftar

Universiti Teknikal Malaysia Melaka

/wnskb

MAJLIS PERHIMPUNAN 1UTeM BIL. 1/2014

**16 OKTOBER 2014 (21 ZULHIJAH 1435H)
DEWAN BESAR, KAMPUS INDUK, UTeM**

8.30 Pagi	Pendaftaran Staf
8.45 Pagi	Ketibaan Pegawai-Pegawai Kanan Universiti
8.50 Pagi	Ketibaan Y.Bhg. Naib Canselor
9.00 Pagi	Nyanyian Lagu "Negaraku"
	Nyayian Lagu "UTeM Terbilang"
	Bacaan Doa
	Persembahan Montaj
	Ucapan Y.Bhg. Naib Canselor
	Majlis Bersurai

Pakaian : Pakaian Kerja / Batik